

17/06/2003

BBC minta KDN kaji semula permit Harakah

Rohaniza Idris; Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR: Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), meminta kerajaan mengkaji semula pemberian permit penerbitan kepada lidah rasmi Pas, Harakah, kerana menyiarkan kartun yang menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusinya, Datuk Mohd Zin Mohamed, berkata penerbitan Harakah perlu dihentikan kerana ia menyalahgunakan lesen yang diberikan.

Katanya, penyiaran itu menghina Perdana Menteri dan zalim terhadap orang Islam.

"Penghinaan itu tidak sepatutnya diterbitkan oleh lidah rasmi Pas. Harakah nampaknya menyalahgunakan kebenaran yang diberikan dan hanya mementingkan agenda politik Pas semata-mata," katanya pada sidang media di

Lobi Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas penerbitan kartun yang disiarkan dalam Harakah yang mengaitkan khinzir dengan punca wabak Sindrom

Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan muka Dr Mahathir dilukis mempunyai hidung

yang panjang dengan nama Dr Mahathir digantikan dengan "Mahazir".

Mohd Zin berkata, perbuatan Harakah yang membuat lakaran mengaitkan Dr Mahathir dengan khinzir adalah biadap dan tidak bertanggungjawab.

Katanya, tindakan Harakah itu juga tidak munasabah dan tidak melambangkan perjuangannya sebagai akhbar yang mewakili parti Islam.

"Perbuatan ini juga menfitnahkan orang lain dan mengemukakan perkara yang bukan-bukan dan tidak masuk akal," katanya yang yakin perkara itu mempunyai agenda yang tersendiri dan berniat jahat terhadap Dr Mahathir.

Sementara itu, ahli jawatankuasa BBC yang juga Ahli Parlimen Sri Gading,

Datuk Mohamed Aziz menyifatkan perbuatan Harakah itu penghinaan Pas kepada

Dr Mahathir.

Bagaimanapun, katanya beliau percaya penghinaan itu akan kembali semula kepada Pas.

"Rata-rata saya dengar komen daripada rakyat bahawa perbuatan Pas itu menimbulkan kebencian dan rasa jijik mereka kepada Pas, parti yang kononnya mendakwa memperjuangkan Islam. Tindakan itu jelas bukan Islamik,"

katanya.

"Perbuatan itu akan memakan diri Pas sendiri, kerana rakyat nampaknya jelas dan terang bahawa Pas tidak ada modal. Modal hanya fitnah, pembohongan dan penghinaan semata-mata," katanya yang percaya rakyat akan

menolak segala tuduhan Pas.

Ahli Parlimen Tanjung Karang, Datuk Noh Omar, berkata sebagai orang Islam beliau kecewa dengan kartun yang disiarkan dalam Harakah.

Katanya, jika Pas mahu berpolitik menggunakan media perlulah mengikut cara politik yang berhikmah, bukannya menanam rasa benci rakyat kepada pemimpin.

"Saya tidak faham dengan cara mereka membuat kartun itu. Mungkin mereka mahu rakyat memandang hina kepada pemimpin kita. Bila rakyat memandang hina maka sudah pasti akan timbul perasaan benci rakyat kepada Perdana Menteri.